☑ Harian Metro
☐ Metro Ahad
Tarikh: 2/2/2012
Hari: ISNIN M/S: 44
Ruangan: ARENA

JUARA...pasukan Nurulhuda menunjukkan pingat yang dimenangi selepas menjuarai larian merentas kampus di UUM, baru-baru ini.

Pasukan Nurul Huda juara merentas kampus

>>Oleh Samsudin Oli Mohamed
sukan@hmetro.com

PASUKAN Nurul Huda menjuarai larian merentas kampus sempena kejohanan sukan staf peringkat Universiti Utara Malaysia (UUM), baru-baru ini.

Mereka memungut mata penuh meninggalkan pasukan Mokhtar Dahari di tempat kedua sementara pasukan Jegathesan dan Nicol David masing-masing di tempat ketiga dan keempat sekali gus manakala pasukan Misbun Sidek menduduki tempat terakhir.

Ketua Kontinjen pasukan legenda pemain bola sepak negara Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari, Prof Ir Dr Che Sobry Abdullah ketika ditemui berkata, kejayaan pasukan ini adalah kerana komitmen kakitangan yang turun beramai-ramai bagi mewakili pasukan ini untuk menyertai rentas kampus sejauh empat kilometer ini.

"Sukan sebegini bukan saja dapat menyihatkan badan malah dapat mengenali staf yang bekerja di universiti ini," ujarnya lagi.

Seramai 712 peserta menyertai acara merentas kampus yang mewakili lima pasukan di bawah lima nama besar sukan negara iaitu Nurul Huda Abdullah (Renang), Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari (bola sepak), Tan Sri Dr M Jegathesan olahraga), Datuk Nicol David (Squash) dan Datuk Misbun Sidek (badminton).

Acara larian kampus ini sebahagian daripada 17 acara dipertandingkan di kalangan staf UUM yang bermula 29 Disember 2011 dan berakhir kelmarin.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak malam ini.